

21/09/1997

PM lancar Taklimat Perdana MSC

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan melancarkan Taklimat Perdana Koridor Raya Multi Media (MSC) ke seluruh akar umbi Umno pada November ini.

Pengerusi Majlis Sains dan Teknologi (MST) Pergerakan Pemuda Umno, Zein Isma Ismail, berkata tarikh pelancaran taklimat berkenaan akan diumumkan kemudian.

Bagaimanapun, katanya, selepas taklimat perdana itu, jentera penyebaran maklumat mengenai MSC akan dilancarkan ke 165 bahagian Umno di seluruh negara bagi memastikan Bumiputera tidak ketinggalan dalam bidang itu.

Dalam sidang akhbar di sini semalam, Zein berkata, taklimat perdana itu adalah antara program susulan kongres serta pameran sains dan teknologi Bumiputera yang akan diadakan di sini selama dua hari, mulai 27 September ini.

Kedua-dua program itu akan dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Tun Hussein Onn dan Legar Putra PWTC di sini.

(END)